

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: DSA EXHIBITION AND CONFERENCEPUBLICATION: BERNAMA.COMSECTION: EKONOMIDATE: MONDAY, 18 NOVEMBER 2019PAGE NO.: 1 OF 1HEADLINE: EMPAT LAGI SYARIKAT MALAYSIA AMBIL BAHAGIAN DSA 2020URL: <http://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1790982>**Pastikan Benar**
Bernama.com**Empat lagi syarikat Malaysia ambil bahagian DSA 2020**

Tarikh kemaskini: 18/11/2019



Menteri Pertahanan Mohamad Sabu (kanan) menandatangani plak sempena perasmian Pavilion Malaysia di Pameran Defence & Security 2019 di Pusat Pameran dan Konvensyen IMPACT di Nonthaburi hari ini.

Oleh Linda Khoo

BANGKOK, 18 Nov – Empat lagi syarikat Malaysia akan mengambil bahagian dalam acara pertahanan utama di Asia, Defence Services Asia (DSA) 2020 di Kuala Lumpur dari 20 hingga 23 April tahun depan.

Dalam satu kenyataan, DSA Exhibition and Conference Sdn Bhd berkata lebih 1,500 syarikat dari sektor pertahanan dan keselamatan global dari lebih 60 negara dan 33 pavilion antarabangsa dijangka membuat penampilan dalam acara berprofil tinggi itu bagi mempamerkan beberapa teknologi canggih di dunia, sistem, perkakasan dan peperangan elektronik.

"Pameran itu dijangka menarik 50,000 pengunjung perdagangan dari 70 negara dan rantau.

"Setakat ini, 78 peratus tempahan ruang di DSA 2020 telah disahkan," katanya.

Terdahulu, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu menyaksikan majlis menandatangani kontrak di Pavilion Malaysia di Defence & Security 2019 di Pusat Pameran dan Konvensyen IMPACT di Nonthaburi.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin, Pengerusi DSA Exhibition and Conference Sdn Bhd Tan Sri Asmat Kamaludin dan Pengarahnya Nadzeem Abdul Rahman.

Sementara itu, DSA Exhibition and Conference Sdn Bhd berkata, National Security Asia 2020 (NATSEC Asia 2020), pameran antarabangsa mengenai National Security for Asia, yang meliputi Penguatkuasaan Undang-undang, Keselamatan Dalam Negeri, Perlindungan Infrastruktur Kritikal dan Kawalan Sempadan akan diadakan serentak dengan DSA 2020.

"Dua acara mega ini memainkan peranan utama sebagai hab Pertahanan dan Keselamatan Asia Pasifik untuk aktiviti penyumberan perniagaan akan menjadi platform penting, dengan menghimpunkan pelbagai pemain utama dalam industri pertahanan dan keselamatan serta agensi kerajaan untuk kerjasama strategik, kolaborasi perniagaan dan jaringan peringkat tinggi," katanya.

Sejak mula diperkenalkan pada 1998, pameran pertahanan itu telah berkembang menjadi acara penting dalam menangani pelbagai masalah keselamatan termasuk bidang seperti counter-terrorism, keselamatan siber, bantuan kemanusiaan dan bantuan bencana, operasi pengaman serta penjagaan kesihatan medan perang dan perlindungan aset kritikal.

DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020 disokong sepenuhnya, masing-masing oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020 akan diadakan di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Kuala Lumpur.

– BERNAMA